



04 JUN, 2026

TNB perkukuh peranan pacu agenda peralihan tenaga

Berita Harian, Malaysia



TNB perkukuh peranan pacu agenda peralihan tenaga

Syarikat perlu pastikan bekalan elektrik kekal stabil, terjamin bagi isi rumah dan industri

Tenaga Nasional Bhd (TNB) komited untuk terus memainkan peranan utama dalam memacu agenda peralihan tenaga negara serta mengakui keperluan segera menangani cabaran perubahan iklim, kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ir Shamsul Ahmad.

Beliau berkata, TNB turut diamanahkan untuk memastikan bekalan elektrik kekal stabil, mudah diakses dan terjamin bagi jutaan isi rumah, perniagaan serta industri di seluruh negara.

Dalam melaksanakan tanggungjawab itu, TNB terus berpandukan prinsip trilema tenaga, iaitu mengimbangi keterjaminan



Fadillah melawat gerai pameran pada Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2026 (ETCon26) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

bekalan tenaga, kemampuan kos dan kemampuan dalam mengharungi peralihan ke arah masa depan yang lebih mampan.

Jana tenaga bersih

"Kami giat melabur dalam penanaan tenaga yang lebih bersih, memperluas portfolio tenaga boleh baharu serta mengurangkan intensiti karbon operasi kami. Pada masa sama, kami memperkukuh dan memodenkan grid

elektrik bagi menyokong integrasi tenaga boleh baharu yang lebih meluas, di samping meningkatkan fleksibiliti dan daya tahan sistem," kata Shamsul.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan pada hari pertama Persidangan Peralihan Tenaga TNB 2026 (ETCon26) di Kuala Lumpur, semalam, yang menghimpunkan lebih 4,000 peserta tempatan dan antarabangsa.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof; Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Indera Mohd Shahar Abdullah serta Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid.

Shamsul berkata, komitmen

TNB dalam menyediakan masa depan tenaga yang mampan dan boleh dipercayai dicerminkan menerusi pencapaian syarikat utiliti nasional itu yang merekodkan kadar gangguan bekalan elektrik System Minutes hanya 0.15 minit pada 2025, jauh lebih baik berbanding penanda aras global di bawah 1.5 minit.

Selain itu, beliau berkata penarafan MSCI ESG TNB turut dinaik taraf kepada AA pada 2026 daripada A pada 2025 sebagai pengiktirafan terhadap usaha kemampuan dan standard tadbir urus syarikat utiliti nasional itu.

"Kami terus bekerjasama dengan pemain industri dan pereraju teknologi antarabangsa selain melabur dalam peluang infrastruktur serta peralihan tenaga di luar negara kerana kami percaya industri ini tidak bergerak secara bersendirian, sebaliknya berkembang melalui kerjasama dan pertukaran kepakaran," kata Shamsul.

Mengenai ETCon26, beliau berkata persidangan itu memainkan peranan penting dalam menghimpunkan aspek dasar, industri, pelaburan dan inovasi di bawah satu platform. BERNAMA